



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**14 Mei 2024
05 Zulkaedah 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Teluk Bahang kembali jadi lokasi penyu bertelur
Sinar Harian [Online]	• 10 bot ditahan ceroboh zon penangkapan ikan
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	• Ops rentas: 10 kapal ceroboh zon larangan tangkap ikan disita, 34 ditahan
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	• Pantai Teluk Bahang diisytihar sarang penyu bertelur
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		18	14.5.2024

Teluk Bahang kembali jadi lokasi penyu bertelur

Kosmo.ms13

TELUK BAHANG – Sebuah pusat konservasi marin dibina di Pantai Teluk Bahang di sini sebagai kaedah untuk menjadikannya salah satu lokasi mesra penyu supaya usaha pemeliharaan dan rehabilitasi spesies terancam itu.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah, ia disebabkan pantai berkenaan kembali menjadi lokasi pendaratan penyu lipas dan agar untuk bertelur selepas hampir 20 tahun.

“Pusat konservasi itu dibina oleh Aquawalk Group serta Hotel Angsana Teluk Bahang dan Universiti Malaysia Terengganu sebagai tanggungjawab sosial korporat mereka.

“Berdasarkan rekod dari tahun 2019 hingga 2023, Pulau

Pinang mencatatkan data pendaratan ibu penyu sebanyak 292 kali dan pendaratan reptilia ini tertumpu di Pantai Kerachut, Teluk Kampi dan Teluk Bahang,” katanya.

Menurut Wan Muhammad, sebanyak 17,607 daripada 27,701 biji telur penyu berjaya ditetaskan.

Tambahnya, selain penyu lipas, Teluk Bahang turut didarati oleh penyu agar.

“Kedua-duanya merupakan spesies terancam. Pulau Pinang lebih luas dan perlu menjadi lokasi mesra penyu untuk meningkatkan pendaratannya.

Terdahulu, Wan Muhammad Aznan menandatangani perjanjian memorandum persefahaman antara Pengarah Urusan Pengarah Urusan Aquawalk Group, Datuk Simon Foong.



PENYU agar kembali mendarat di Teluk Kemang selepas hampir 20 tahun ‘menghilang’.

10 bot ditahan ceroboh zon penangkapan ikan



BAYAN LEPAS - Jabatan Perikanan Malaysia menyita 10 buah bot pukat tunda yang menceroboh zon larangan penangkapan ikan bagi vesel komersial iaitu di Perairan Taman Laut Pulau Payar dan Perairan Mukahead hingga ke Perairan Gertak Sanggul di sini pada Sabtu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, tangkapan dibuat melalui Ops Rentas di perairan Kedah dan Pulau Pinang melalui Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Perikanan (PKOPP) Langkawi

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati bot-bot berkenaan telah melakukan kesalahan menjalankan aktiviti penangkapan ikan di kawasan Taman Laut.

"Antara kesalahan lain yang turut dikesan adalah beroperasi kurang dari 15 batu nautika dari daratan terhampir, menghalang tugas pegawai berkuasa dan melindungi nombor pendaftaran dari dilihat oleh pegawai berkuasa.

10 bot ditahan ceroboh zon penangkapan ikan

" Prosedur penyitaan telah dilaksanakan setelah mendapati bot-bot tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu Perenggan 8(b), Perenggan 43(1)(a), Seksyen 53 dan Sub-peraturan 10(3) Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan) 1985,"katanya pada sidang akhbar di Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Sumber, Batu Maung di sini, pada Isnin.

Wan Muhammad Aznan berkata, kesemua bot termasuk kelengkapan peralatan menangkap ikan yang dirampas bernilai RM3 juta dan pihaknya turut merampas 3,000 kilogram (kg) ikan dan lelongan ikan berjumlah RM 10,000.

Katanya, seramai 34 nelayan yang terdiri empat warga tempatan, 28 orang Warganegara Thailand dan masing-masing seorang dari Kemboja dan Laos berusia antara 23 tahun hingga 65 tahun ditahan dalam operasi berkenaan.

Pantai Teluk Bahang diisytihar sarang penyu bertelur



- Bernama

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) hari ini mengisytiharkan Pantai Teluk Bahang dekat George Town, Pulau Pinang sebagai sarang penyu bertelur dan mewujudkan Pusat Konservasi Marin di Angsana Resort bagi memelihara, memulihara, mengurus serta konservasi spesies terancam.

Ia juga merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh Aquawalk Group Sdn Bhd dan Angsana Resort sementara Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan bertindak sebagai penasihat teknikal bagi usaha pemeliharaan dan rehabilitasi spesies terancam seperti penyu.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata dengan kerjasama pihak-pihak tersebut, pendaratan penyu berkemungkinan akan bertambah kerana berdasarkan rekod dari 2019 hingga 2023, Pulau Pinang mencatatkan data pendaratan ibu penyu sebanyak 292 kali dengan 27,701 biji telur berjaya diperolehi dan penetasan telur sebanyak 17,607.

"Hotel ini bekerjasama dengan DOF, kita akan lepas penyu di sini sahaja, tidak boleh lepas di tempat lain. Itu kebenaran jabatan, jadi sesiapa yang nampak telur penyu boleh kutip tetapi serahkan kepada pihak Angsana Resort dan akan dibayar RM2 bagi setiap biji.

Pantai Teluk Bahang diisytihar sarang penyu bertelur

"Dua spesies penyu yang dikenal pasti mendarat di sekitar pantai Pulau Pinang adalah penyu agar dan penyu lipas. Pendaratan reptilia ini tertumpu di Pantai Kerachut, Teluk Kampi dan Teluk Bahang," katanya kepada pemberita selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Aquawalk Group (Aquaria KLCC) dan prapelancongan Pusat Konservasi Marin di Angsana Resort, di sana hari ini.

MOU berkenaan adalah untuk kerjasama berkaitan pengurusan dan pemuliharaan spesies akuatik terancam seperti penyu, mamalia marin dan batu karang dalam aspek pendidikan sekali gus meningkatkan kesedaran awam dengan lebih giat serta melaksanakan pelbagai aktiviti secara bersama pada masa akan datang.

MOU itu ditandatangani Wan Muhammad Aznan dan Pengarah Urusan Aquaria KLCC Datuk Simon Foong dengan disaksikan Ahli Parlimen Balik Pulau Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Sementara itu, Pengarah Urusan Aquawalk Group Datuk Simon Foong berkata MOU tersebut penting bagi menandakan kemampuan pihaknya dalam melakukan kerja-kerja pemuliharaan penyu di Teluk Bahang.

"Di Teluk Bahang, telah lama penyu tidak mendarat di pantai ini dan memandangkan kini mereka kembali mendarat, sangatlah penting untuk kita memastikan kebersihan pantai supaya haiwan ini terus kembali ke sini untuk bertelur.

"Spesies yang datang ke sini adalah dalam kategori terancam dan sangat sedikit, jadi dengan mendirikan pusat marin di sini, ia juga baik bagi orang ramai yang datang melawat kami di Pulau Pinang dan juga untuk masyarakat setempat.

"Kali terakhir penyu datang ke pantai ini adalah sekitar 10 hingga 20 tahun dahulu dan mula mendarat kembali mulai tahun lepas," katanya.

Sepanjang 2023, seramai 41,963 pelawat dari dalam dan luar negara direkodkan mengunjungi Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, DOF.

-Bernama

Ops rentas: 10 kapal ceroboh zon larangan tangkap ikan disita, 34 ditahan

GEORGE TOWN – Sebanyak 10 kapal pukat tunda bersama hasil tangkapan bernilai keseluruhan lebih RM3 juta disita dalam Ops Rentas kerana menceroboh zon larangan penangkapan ikan di perairan Kedah dan Pulau Pinang pada 11 Mei lepas.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan (DOF), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, seramai 34 kru dan tekong terdiri empat rakyat tempatan, 28 warga Thailand serta masing-masing seorang rakyat Kemboja dan Laos berusia antara 23 hingga 65 tahun turut ditahan.

“Kesemua kapal itu didapati menceroboh zon larangan penangkapan ikan bagi kapal komersial dengan menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan taman laut di perairan Taman Laut Pulau Payar di Kedah dan Perairan Mukahead hingga ke Perairan Gertak Sanggul di Pulau Pinang.

“Kapal itu juga beroperasi kurang 15 batu nautika dari daratan terhampir, menghalang tugas pegawai penguat kuasa dan menutup nombor pendaftaran bagi mengaburi pihak berkuasa,” katanya pada sidang media di Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Sumber Batu Maung, di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang, Zarina Zainuddin dan Pengarah Perikanan Negeri Kedah, Pang Anak Nyukang.

Wan Muhammad Aznan berkata, tujuh daripada kapal berkenaan ditahan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung manakala tiga lagi di Jeti Kuala Kedah.

“Turut disita kelengkapan peralatan menangkap ikan berjumlah RM3 juta manakala tiga tan ikan yang disita telah dilelong dengan nilai RM10,000,” katanya.

Tindakan itu diambil mengikut Perenggan 8(b), Perenggan 43(1)(a), Seksyen 53 dan Sub-peraturan 10(3) Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan) 1985.